

# Durian Pahang bakal dipatenkan

Kerajaan negeri  
'mahu  
dikomersialkan  
hasil, perluaskan  
pasaran

AIMAN SADIQ ABDULLAH

KUANTAN

Kerajaan Pahang akan menjenamakan semula semua durian kampung negeri itu yang bakal didaftarkan di bawah Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).

Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Bioteknologi Pahang, Datuk Seri Ir Mohd Sofi Abd Razak berkata, selepas penjenamaan semula dan didaftarkan, hasil buah berkenaan boleh dikomersialkan dan diperluaskan lagi pena-

namannya.

Menurutnya, perkara itu sudah diberi perhatian oleh kerajaan negeri dan usaha untuk mengemaskini inventori jenis durian dihasilkan di negeri ini sedang dilakukan.

"Memang perkara ini (penjenamaan semula) sudah mendapat perhatian Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail dan kita sedang mengenalpasti jenis durian dihasilkan di Pahang untuk disenaraikan dalam inventori bagi memudahkan proses penjenamaan semula.

"Saya melihat proses penjenamaan semula ini sangat penting kerana ia dapat meningkatkan pendapatan pengusaha buah-buahan itu sendiri dan kita ada jumpa durian kampung lagi sedap daripada buah-buah komersial.

"Misalnya durian musang king dapat dijual pada



Mohd Sofi memberi buah durian kepada pengunjung yang hadir sempena makan durian percuma pada Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Negeri Pahang di Taman Bandar, Indera Mahkota di Kuantan semalam.

harga menccah RM300 sekilogram di China hanya kerana namanya musang king sedangkan kita ada durian hijau Beserah yang tidak kurang hebatnya, tapi hanya dijual pada harga

RM28 sekilogram sahaja," katanya

Beliau berkata demikian kepada media selepas merasmikan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat negeri di

Taman Bandar, Indera Mahkota di sini semalam.

Sebanyak 110 gerai jualan dan pameran disediakan sepanjang tiga hari pengajuran berakhir hari ini.

Terdahulu, Mohd Sofi pada ucapan perasmian berkata, kerajaan Pahang telah mencatatkan berbilion tan metrik pengeluaran dengan nilai perolehan sebanyak RM22.45 bilion bagi industri sab sektor aquakultur sepanjang tahun lalu.

Menurutnya, kerajaan negeri optimis jumlah perolehan itu dijangka meningkat tahun ini berdasarkan permintaan yang sangat menggalakkan terutamanya melalui eksport udang putih dijalankan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) dengan kerjasama syarikat dari Korea Selatan.

"Ini adalah antara usaha meningkatkan hasil aquakultur di Pahang dan kerajaan negeri sudah memperkenalkan sistem zon di beberapa kawasan yang sesuai untuk dibangunkan pada skala besar," katanya.

HARI : AHAD  
TARIKH : 28/7/2019  
MASURAT : 34